

05 DEC 2000

Mahathir-Ahmad Zaidi

DR MAHATHIR MENZIARAH JENAZAH TUN AHMAD ZAIDI

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Pemangku Raja Selangor dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah antara beberapa orang kenamaan yang menziarahi jenazah Yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Ahmad Zaidi Aduce Mohammed Noor di rumah anak perempuannya di Subang Jaya hari ini.

Ahmad Zaidi, 76, meninggal dunia pada pukul 6 pagi di Pusat Perubatan Subang Jaya (SJMC) kerana penyakit buah pinggang.

Turut menziarah jenazah Allahyarham ialah isteri Dr Mahathir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin, Menteri Pertanian Datuk Effendi Norwawi dan bekas Menteri Pertanian Tan Sri Dr Sulaiman Haji Daud.

Jenazah Ahmad Zaidi diterbangkan ke Kuching petang ini untuk pengebumian esok.

Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak Datuk Abdul Aziz Husain berkata di Kuching bahawa Ahmad Zaidi akan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Samariang di Petra Jaya pada pukul 11 pagi esok.

Seorang anak lelaki Allahyarham, Shahren, 39, memberitahu Bernama bapanya telah beberapa kali dimasukkan ke SJMC sejak kebelakangan ini.

"Beliau berada dalam koma pada pukul 1.30 pagi tadi selepas dimasukkan ke SJMC pada 20 Nov lepas," katanya.

Shahren menyifatkan ayahnya sebagai seorang yang suka hidup sebagai rakyat biasa.

Menurut pemandu Ahmad Zaidi di Kuala Lumpur, Rusli Malik, Allahyarham seorang periang dan suka memandu keretanya sendiri.

-- BERNAMA

RZ ES NMO